



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

JPA TIDAK MELANTIK KAKITANGAN PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM)

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin merujuk kepada artikel yang disiarkan oleh Malaysiakini bertarikh 12 November 2019 bertajuk *Analyst: HR Problems Weighing Down CAAM*.

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) merupakan sebuah badan berkanun yang dikawal selia oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. **JPA tidak terlibat dalam urusan pelantikan pekerja CAAM.** Sebaliknya, pelantikan pekerja CAAM dibuat sendiri oleh CAAM seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 23 Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2017 [Akta 788]. JPA berharap kenyataan ini dapat menjelaskan kedudukan sebenar mengenai perkara ini.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 13 November 2019
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (72)